

SELESAIKAN TUNGGAKAN CUKAI

Menjelang Tahun Baharu

Apabila memasuki tahun baharu, seseorang itu pasti akan memikirkan azam baharu untuk menjadi individu yang lebih baik. Perubahan hidup yang lebih baik bergantung kepada siapakah diri anda? Jika anda pembayar cukai, apakah azam tahun 2024 anda? Adakah anda masih kekal sebagai pembayar cukai yang kurang patuh dan tidak mahu membayar cukai yang sepatutnya dibayar? Ubahlah mentaliti anda daripada beranggapan bahawa cukai tersebut tiada kepentingannya kepada memahami bahawa manfaat cukai itu adalah untuk semua. Pelajarilah ilmu asas tentang percukaian dan buang tabiat buruk mengambil mudah terhadap tanggungjawab lapor dan bayar cukai kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) atau HASiL.

Tunggakan Cukai Membebaskan Diri


Mulakan tahun baharu dengan bebas tunggakan cukai. Individu yang gagal membayar cukai dalam tempoh yang sepatutnya akan mengakibatkan berlakunya tunggakan cukai. Hal ini demikian kerana kerana pembayar cukai mungkin tidak mampu membayarnya secara sekali gus, terlupa atau sengaja mengabaikannya.

Tunggakan cukai juga sama seperti hutang yang memberikan impak negatif kepada individu yang terlibat. Semakin banyak jumlah cukai tertunggak, semakin tinggi kenaikan cukai. Bukan itu sahaja, perancangan anda untuk bercuti ke luar negara

mungkin akan terbatal tanpa rela apabila anda dihalang ke luar negara oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

Selain itu, gagal membayar tunggakan cukai juga akan membawa anda ke mahkamah untuk tindakan undang-undang. Bukan itu sahaja, malah duit simpanan di dalam bank, saham, barang kemas, rumah dan apa-apa sahaja milik anda juga boleh disita atau dilelong.

Oleh itu, pastikan anda membayar tunggakan cukai (sekiranya ada) selewat-lewatnya pada 30 Disember 2023 menerusi perkhidmatan dalam talian, ByrHASiL yang disediakan oleh HASiL.



Sumber: Poster LHDNM

Ambil Peduli Undang-undang Cukai

Kesan buruk akibat kegagalan membayar tunggakan cukai boleh dielak sekiranya anda mengambil peduli berkenaan peruntukan undang-undang cukai yang ditetapkan oleh kerajaan. Undang-undang memperuntukkan individu yang menerima pendapatan penggajian untuk membayar cukai tahunan selewat-lambatnya pada 30 April pada setiap tahun dan 30 Jun bagi individu yang berniaga. Bagi syarikat pula, wajib membayar semua jumlah cukai dalam tempoh tujuh bulan selepas tarikh tutup tempoh perakaunan syarikat.

Pelajari Ilmu Asas Percukaian

Menyedari pentingnya ilmu percukaian kepada semua masyarakat telah menyebabkan HASiL menggunakan konsep pematuhan cukai menerusi kesedaran, pendidikan dan perkhidmatan (Awareness, Education and Services). HASiL menawarkan pelbagai program untuk mendidik masyarakat bermula pada peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi kerana golongan ini merupakan bakal pembayar cukai yang perlu dididik lebih awal tentang kepentingan cukai.

Terdapat pelbagai medium yang boleh dijadikan rujukan untuk mempelajari ilmu asas percukaian, antaranya termasuklah menerusi Portal Rasmi HASiL atau apa-apa sahaja sumber maklumat yang terbukti kesahihannya di Internet. Menerusi platform EduZone di www.hasil.gov.my, anda boleh mendapatkan risalah dan artikel berkaitan percukaian. Platform EduZone turut dilengkapi dengan video-video program temu bual HASiL di media elektronik, video kesedaran dan pendidikan cukai yang boleh dimanfaatkan oleh semua masyarakat.

Selain itu, rujukan juga boleh dibuat menerusi platform media sosial rasmi HASiL dan portal firma percukaian bertauliah yang pakar dalam bidang percukaian. Pastikan anda merujuk maklumat yang

tepat dan diiktiraf supaya tidak tersimpang daripada ilmu percukaian yang sepatutnya.

Rujuk kepada yang Pakar


Sekiranya anda mempunyai kemusykilan mengenai cukai, hubungi HASiL untuk mendapatkan maklum balas dan khidmat nasihat. Pusat Panggilan HASiL, iaitu HASiL Care Line boleh dihubungi melalui talian 03-89111000 atau 603-89111100 (luar negara) pada setiap hari bermula pukul 9 pagi hingga 5 petang kecuali Sabtu, Ahad dan cuti umum.

Anda juga boleh menghubungi Pegawai Perhubungan Awam HASiL mengikut lokasi terdekat menerusi nombor telefon bimbit rasmi yang disiarkan dalam portal rasmi HASiL dan juga saluran media sosial HASiL seperti HASiL Live Chat, Facebook, Twitter, Instagram, TikTok dan Borang Maklum Balas Pelanggan.

Mytax Bantu Semak Kedudukan Cukai Terkini

HASiL menyediakan kaedah semakan yang mudah, iaitu secara dalam talian melalui MyTax. Aplikasi MyTax membolehkan anda membuat semakan, mengisytiharkan dan mendapatkan informasi terkini berkaitan dengan cukai. Semakan tunggakan atau lebihan bayaran cukai boleh dibuat melalui <https://mytax.hasil.gov.my/> yang akan memaparkan jumlah tunggakan cukai atau lebihan bayaran cukai selepas mengambil kira taksiran, bayaran dan lain-lain bagi tahun taksiran yang sama.

Amaun tunggakan cukai dalam MyTax belum mengambil kira bayaran kenaikan layak dikenakan atau taksiran dibangkitkan selepas tarikh kemas kini lejar (sekiranya ada). Sekiranya kurang jelas, anda boleh menghubungi Unit Pungutan Pejabat HASiL yang mengendalikan fail anda atau menghubungi HASiL Care Line. Penyata kedudukan cukai boleh dicetak menerusi aplikasi e-Lejar yang juga boleh dicapai melalui MyTax.



Sumber: Poster LHDNM



BAKI CUKAI KENA BAYAR

BAYARAN BAKI CUKAI

JENIS PEMBAYAR CUKAI
Tarikh Akhir Pengemukakan
Borang Nyata

Manual- 30 April
e-Filing- 15 Mei

1

Pembayar Cukai yang
Tidak Menjalankan
Perniagaan

Pembayar Cukai
Menjalankan
Perniagaan

2

Manual- 30 Jun
e-Filing- 15 Julai

ANSURAN SENDIRI



Ansuran melalui Potongan Gaji CP38

- arahan akan dikeluarkan oleh HASiL yang mengkehendaki majikan membuat potongan tambahan secara ansuran bulanan.
- sekiranya pekerja menerima arahan CP38 ini tertakluk kepada PCB, mereka akan mempunyai 2 potongan gaji serentak mengikut tempoh yang dinyatakan dalam arahan.
- tarikh akhir bayaran arahan CP38 adalah sama seperti PCB iaitu pada atau sebelum 15hb bulan berikutnya.

Ansuran Sendiri

Permohonan ansuran boleh dibuat di Pejabat HASiL yang mengendalikan fail cukai mereka.

Bincang ansuran cukai

Tidak dapat dinafikan bahawa bukan semua individu mampu membayar cukai dalam jumlah yang besar sekali gus. Memahami situasi pembayar cukai tersebut, HASiL terbuka untuk mengadakan perbincangan bagi permohonan bayaran secara ansuran. Kelulusan bayaran ansuran akan dipertimbangkan sekiranya anda menyediakan dokumen berkaitan seperti penyata aliran tunai bulanan, penyata bank beberapa bulan terkini, senarai komitmen bulanan dan bilangan ansuran yang diinginkan.

Tunggakan cukai tidak akan berlaku sekiranya anda merancang dan mengurus cukai dengan

bijak. Ayuh bersama-sama kita membantu kerajaan melaksanakan pelbagai kemudahan, program pembangunan serta kebajikan rakyat dengan menjadi pembayar cukai yang patuh. Pastikan tunggakan cukai (sekiranya ada) dibayar selewat-lewatnya pada 30 Disember 2023.

Ingin dapatkan bayaran balik cukai? Pastikan anda tuntutan pelepasan- cukai yang layak semasa mengisi e-Filing pada tahun hadapan. Simpan resit perbelanjaan tahun 2022 bagi tujuan pelepasan cukai tersebut untuk memudahkan anda membuat rujukan nanti. Laporkan dan bayar cukai kerana **Andalah Wira Negara.**



Jawapan Kuiz: Tema: Tanggungjawab Majikan

- | | |
|-------------------------------|--------------------------|
| 1. POTONGAN CUKAI BULANAN | 6. TINDAKAN SIVIL |
| 2. SURAT PENYELESAIAN CUKAI | 7. PEKERJA BAHARU |
| 3. JADUAL PCB | 8. PENDAPATAN PENGGAJIAN |
| 4. PENYATA BAYARAN INSENTIF | 9. MENYIMPAN REKOD |
| 5. PENDAFTARAN NOMBOR MAJIKAN | 10. TUNGGAKAN CUKAI |

